

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD AMZAD BIN MOHAMED  
@HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

**SOALAN NO. 31**

**TUAN AHMAD AMZAD BIN MOHAMED@HASHIM [ KUALA TERENGGANU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah insentif diberi bagi membantu skim penstrukturan hutang bank oleh industri perkapalan sokongan minyak dan gas ekoran kelembapan aktiviti cari gali petroleum di peringkat global.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengusaha atau peserta industri yang terjejas akibat persekitaran perniagaan yang mencabar boleh mendapatkan khidmat bantuan pengurusan dan penyelesaian hutang yang telah diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Mekanisme yang telah disediakan oleh BNM adalah seperti berikut:

- a) Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (*Corporate Debt Restructuring Committee, CDRC*) untuk syarikat korporat. Sejak tahun 2009, 6 kes telah berjaya diselesaikan dengan jumlah hutang sebanyak RM429 juta; dan
- b) Skim Penyelesaian Hutang Kecil (*Small Debt Resolution Scheme, SDRS*) untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Sejak tahun 2003, 1,135 kes berjaya diselesaikan dengan jumlah hutang sebanyak RM1.48 bilion.

2. Perkhidmatan pengurusan dan penyelesaian hutang ini adalah bertujuan untuk menyokong usaha pemulihan kedudukan kewangan dan aliran tunai perniagaan, dan pada masa yang sama, mengelakkan kegagalan pramatang peminjam yang berdaya maju.

3. Selain itu, ia juga dapat untuk meminimumkan kemungkinan kerugian kepada institusi kewangan, dan seterusnya memelihara

## SOALAN NO : 31

kesinambungan proses pengantaraan kewangan dan aktiviti ekonomi serta meningkatkan kepantasan dan nilai pemulihan hutang.

4. Berkuat kuasa pada 1 September 2017, CDRC telah mengemaskinikan syarat kelayakan pemohon dengan menurunkan jumlah hutang minimum yang boleh diuruskan kepada RM10 juta berbanding RM30 juta sebelum ini. Pengemaskinian syarat kelayakan ini membuka peluang kepada lebih banyak syarikat dengan perniagaan yang berdaya maju termasuk syarikat bersaiz sederhana (*mid-sized companies*) untuk memohon khidmat CDRC bagi menstrukturkan semula serta melangsaikan hutang mereka.